Pandangan Pujangga-Pujangga Barat Terhadap:

Al-Qur'ān Al-Karīm yang Diturunkan oleh Allah Ta'ālā Kepada

Muḥammad *Rasūlu Allāh Ṣallā Allāhu 'alayhi Wa Sallam*

Pujangga Goethe (1749 – 1832) ahli falsafah Jerman yang terkenal berkata: "Bagaimana jua pun saya membaca *Qur'ān* itu tidak habis-habisnya saya bertemu dengan ajaran-ajaran yang kalimah-kalimahnya sangat indah, isi tujuannya menjadi pedoman untuk jalan kebahagiaan, kemuliaan yang tinggi, dan mengandungi pelajaran yang memberi amaran dari melakukan kejahatan. Pada fikiran saya kitab *al-Qur'ān* ini akan berjalan terus melalui tiap-tiap zaman, dan besar pula pengaruhnya."

Kitab Perundangan Kenegaraan

Edward Gibbon, ahli sejarah Inggeris yang masyhur pula berkata:

"*Al-Qur'ān* ialah sebuah kitab agama, kitab kemajuan, kenegaraan, persaudaraan, perundangan, dan undang-undang tentera dalam agama Islam. *Al-Qur'ān* mengandungi isi lengkap, mulai dari urusan ibadat, tauhid, sampai pekerjaan hari-hari. Mulai dari urusan rohani sampai kepada hal yang mengenai jasmani. Mulai dari memperkatakan hak-hak dan kewajipan segolongan umat sampai kepada akhlak dan perangai, sampai kepada hukum (hukuman yang dijatuhkan bagi sesuatu kesalahan) di dunia. Di dalam *al-Qur'ān* dijelaskan segala huraian tentang amal perbuatan. Sebab itu sangatlah besar perbezaan di antara *Qur'ān* dengan Tawrāh dan Injīl. Tawrāh dan Injīl tidak ada mengandungi peraturan yang bertalian dengan keduniaan. Yang terdapat di dalamnya hanya cerita-cerita untuk kesucian diri.

Tawrāt dan Injīl tidak dapat menyamai *al-Qur'ān,* kerana *al-Qur'ān* itu bukan sahaja menerangkan apa yang berkenaan dengan amalan keagamaan, tetapi juga asas-asas politik kenegaraan. *Al-Qur'ān*lah yang menjadi punca peraturan negara (bagi umat Islam), punca undang-undang dasar, memutuskan sesuatu perkara, baik yang berhubung dengan harta benda, atau pun dengan nyawa."

Beradab dan Sopan Santun

Pujangga Devenport pula berkata: "Yang lebih utama di antara keelokkan[1] *al-Qur'ān* itu, ialah dalam masa menyebut nama Allah atau sifatnya, *al-Qur'ān* tetap menggunakan sepenuh-penuh kehormatan. Dan cara membesarkan Allah jauh

[1] keelokan

dari khayal yang rosak, yang kotor-kotor, sebagaimana yang didapati dalam kitab-kitab orang yahudi. *Al-Qur'ān* itu bersih dari segala aib, tak dapat dicacat dengan apa jalan pun. Kalau kita baca mulai dari awal sampai ke akhirnya, kita tidak akan dapat sebarang cacat walau sedikit pun."

Keterangan Jelas dan Berisi Hikmah

J.M Rodwell pula berkata: "Ilmu yang berhubung dengan ketuhanan di dalam *al-Qur'ān* itu sangatlah dalamnya. Keterangan-keterangan yang ringkas dan jelas penuh berisi hikmah dan pelajaran, yang dapat menunjukkan jalan ke arah yang betul."

Dua Kurun Lagi Manusia Akan Islam Semuanya

Pujangga Inggeris, George Bernard Shaw pula berkata: "Agama Islam cukup untuk mengubati penyakit kemanisiaan[2], dan orang-orang yang berkemajuan sekarang sudah insaf akan hakikatnya. Berat sangkaanku untuk mengatakan, bahawa dua kurun lagi manusia akan Islam semuanya."

***Al-Qur'ān* Peniup Semangat Keberanian dan Penyebar Ilmu Pengetahuan**

Orientalis Jerman, I.O.M Deutsch (1839-1873), berkata: Saya melihat perkara yang menakjubkan di dalam *al-Qur'ān*, sebuah kitab yang telah menolong umat Arab dalam menguasai dunia, lebih besar daripada apa yang telah dilakukan oleh Iskandar Dhū al-Qarnayn, bahkan lebih besar daripada apa yang telah dicapai oleh bangsa Rom. Pengaruh *al-Qur'ān*lah yang menarik bangsa Arab dalam masa yang pendek sahaja masuk ke Eropah dan menjadi raja dunia.

"Bangsa Arab pernah ke Eropah sebagai tuan dan ahli perniagaan yang terkenal, yang demikian digerakkan oleh



Murid-murid Sekolah Agama Muhammad Alam, Seria Brunei bergambar ramai untuk kenangan kerana menyambut bulan Ramadān al-Mubārak, bersama-sama dengan guru-guru mereka – duduk di tengah-tengah. Kiriman Cikgu Abdul Rahman bin Haji Hasyim, Seria, Brunei.

[2] kemanusiaan

al-Qur'ān yang mereka bawa ke sana sebagai suluh dalam gelap-gelita. Mereka membawa perpaduan, kecerdasan, pengetahuan dan kebijaksanaan. Memberi pelajaran tentang ilmu falsafah, ilmu bintang, kedoktoran, ilmu syair, yang kemajuannya bersinar gilang gemilang di Eropah dan di Timur.

"Dengan *al-Qur'ān* itulah bangsa Arab berdiri dan tegak menyiarkan ilmu pengetahuan dan dengan mengenangkan jasa mereka yang amat mulia itu, kita membuang air mata tatkala mereka keluar dari Sepanyol. Ketika bandar Granada (Gharnāṭah) terlepas dari tangan mereka."

Pembina Kemajuan Dunia

Profesor Margolius pula berkata: "*Al-Qur'ān* itu menempati kedudukan yang utama dalam barisan agama-agama yang besar di seluruh dunia. Meskipun umurnya masih muda, ia mempunyai bahagian dalam ilmu kitab, telah menghasilkan apa yang belum dihasilkan oleh yang lain. *Al-Qur'ān* itulah yang membuat perubahan cara berfikir dalam kalangan manusia dan membawa anjuran tentang perpaduan tinggi dan perubahan hidup manusia."

"*Al-Qur'ān* yang mula-mula menggerakkan bangsa Arab yang sedang dalam gelap gelita menjadi suatu bangsa yang gagah berani dan *al-Qur'ān*lah yang membawa bangsa itu ke dalam medan penganjur-penganjur dalam agama yang berdasarkan politik, sehingga dapat membangunkan sebuah pertubuhan Islam yang menghairankan."

"*Al-Qur'ān* bukan sahaja sebuah kitab suci, tetapi merupakan suatu suara yang hidup teguh, maklumat titah dan perintah, satu rangkaian peraturan pergaulan, perjanjian, pemberi pelajaran yang memimpin persatuan bangsa-bangsa kepada kemajuan. *Al-Qur'ān* juga membawa perubahan dunia ahli kitab dan falsafah, dunia Yahudi dan Kristian, dalam kurun pertengahan.

"Di antara pengaruh-pengaruh *al-Qur'ān* itu ialah tercapai ilmu bahasa, susunan kata-katanya, gerakkan[3] dalam dunia syair dan pengetahuan dalam ilmu kitab, telah menghasilkan nilai pengajaran yang setinggi-tingginya."

Sangat Bertimbang Rasa Kepada Kaum Buruh

Profesor Rudolf, penulis riwayat hidup dari bangsa Jerman yang terkenal, berkata seperti berikut: "*Al-Qur'ān* itu memberi peraturan yang lengkap tentang susunan agama dan tingkah laku – akhlak, serta undang-undang yang terkandung di dalamnya. Ia juga mengandungi suatu perkara tentang soal pendidikan yang dapat mengatur kehidupan orang ramai, dan berisi pula soal pemerintahan dan keadilan, susunan ketenteraan, hukum peperangan, dan peraturan-peraturan yang sangat bertimbang rasa kepada kaum buruh (fakir miskin). Semuanya itu membangunkan asas kepercayaan kepada Tuhan yang Maha Esa, yang memegang teraju tiap-tiap gerakan manusia dalam tangan-Nya."

Hanya al-Qur'ān yang Akan Menyatukan Dunia Islam

Tuan Wales, wartawan Inggeris yang kenamaan pula berkata: "Dalam *al-Qur'ān* banyak sekali perkara-perkara yang menggalakkan kepada memasuki lapangan hidup baharu. *Al-Qur'ān* itulah tali perhubungan dunia Islam yang teguh. Dunia Islam sekarang sedang mengalami perpecahan dan kitab *al-Qur'ān* yang akan menyatupadukannya semula."

- Dari 'Majalah Hikmah" Jakarta

[3] gerakan